




amaze

Pendidikan Seksualiti Rancangan Pengajaran



**STEREOTAIP
GENDER**



amaze

**Advocates
for Youth**
Rights. Respect. Responsibility.


unesco





MENGENAI PEMBELAJARAN INI....



Pelan pembelajaran ini adalah salah satu daripada 9 pelan pembelajaran individu yang disediakan secara berskrip untuk menyokong pelaksanaan Pendidikan Seksualiti Komprehensif (CSE) sama ada dalam atau luar sekolah di Asia Tenggara. Pelan pembelajaran berskrip ini direka untuk mengintegrasikan penggunaan video pendidikan AMAZE yang membincangkan topik dalam pelan pembelajaran dan boleh digunakan untuk melengkapkan pelan pembelajaran atau sumber sedia ada yang mungkin sudah anda gunakan dalam pelaksanaan CSE.

Pada asasnya, pembelajaran mengenai mana-mana topik CSE tertentu harus memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan, mengaplikasikan, dan mempraktikkan pembelajaran dalam bidang pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dalam pelan pembelajaran ini, kami hanya menyenaraikan beberapa hasil pembelajaran utama sebagai contoh. Kami mengambil kira bahawa satu pelajaran sahaja selalunya tidak mencukupi untuk mencapai penguasaan sepenuhnya terhadap mana-mana hasil pembelajaran atau merangkumi lebih daripada satu bidang pelajaran secara menyeluruh. Pendidik digalakkan untuk menjadualkan dan melaksanakan pembelajaran susulan yang memperkukuh hasil pembelajaran topik CSE. Pendidik juga digalakkan untuk memanfaatkan peluang lain sama ada di dalam atau di luar bilik darjah yang membolehkan pelajar merenung sikap, mempraktikkan kemahiran dan memperkukuh pembelajaran.



(CC BY-SA 4.0)

© 2023, Amaze (I) LLC.
Some Rights Reserved

amaze

STEREOTAIP GENDER

amaze Pendidikan Seksualiti
Rancangan Pengajaran

Panduan Teknikal Antarabangsa mengenai Penyelarasan Pendidikan Seksualiti

Konsep Utama 3: Memahami Gender

- Topik 3.1: Pembinaan Sosial Gender dan Norma Gender, umur 9-12

Pengetahuan Sedia Ada Murid

Pelajar yang telah mempelajari anatomi reproduktif, perbezaan antara gender dan jantina

Sasaran Umur

Darjah 4 -Tingkatan 2 (Anggaran umur 10-14)

Masa

45 minit

PERSEDIAAN GURU:

- Cetakan, Kerja Sekolah: Bicara Tentang Stereotaip dan Peranan Gender - satu salinan untuk setiap pelajar.
- Akses dan pratonton video AMAZE Stereotaip dan Peranan Gender untuk membiasakan diri dengan intipatinya dan pastikan anda bersedia untuk menayangkannya di bilik darjah.
- Melakukan ujian dengan memainkan video agar ia bersedia untuk ditonton semasa pembelajaran, sama ada telah diajarkan dari awal (untuk mengelakkan iklan) di Youtube, dari **senarai main AMAZE**, atau versi yang dimuat turun. Gunakan fungsi **Youtube Playback Speed** untuk selaraskan kelajuan video sesuai dengan pelajar anda.

BAHAN YANG DIPERLUKAN:

- Komputer dengan capaian internet dan pembesar suara
- Projektor LCD dan skrin
- Pautan video:
<https://rb.gy/5fw0y9>
- Kapur (dua warna) dan papan hitam
- Kerja Sekolah: Stereotaip dan Peranan Gender - satu salinan untuk setiap pelajar



OBJEKTIF PEMBELAJARAN:

Di akhir pengajaran ini, pelajar dapat:

1. Mendefinisikan **stereotaip gender**. (Pengetahuan)
2. Namakan sekurang-kurangnya dua **stereotaip gender yang sering dikaitkan dengan perempuan dan lelaki**. (Pengetahuan)
3. Menilai bagaimana **stereotaip gender boleh membahayakan**. (Pengetahuan)
4. Mengetahui bahawa peranan gender boleh berubah mengikut zaman. (Sikap)

LANGKAH-LANGKAH:

Langkah 1

Mulakan pembelajaran ini dengan "Hari ini, kita akan belajar tentang stereotaip yang sering dikaitkan dengan lelaki dan perempuan (atau dikenali sebagai stereotaip gender), bagaimana ia mempengaruhi kita dan boleh berubah mengikut zaman. Boleh sesiapa memberitahu saya apakah maksud perkataan "stereotaip"? Selepas beberapa pelajar berkongsi jawapan mereka, hargai sumbangan mereka dan kongsi takrifan dan tuliskannya dipapan hitam: Stereotaip ialah satu tanggapan umum terhadap suatu kelompok atau perkara. Teruskan dengan "Dan, stereotaip gender ialah tanggapan atau gambaran umum tentang orang lain berdasarkan gender mereka iaitu lelaki dan perempuan"



Nota Kepada Guru: Pelajar boleh memberi jawapan seperti contoh stereotaip selain daripada takrifan. Anda boleh memberitahu mereka bahawa contoh-contoh yang diberikan adalah bagus dan bertanya lebih lanjut sebelum berkongsi takrifan stereotaip gender.

Seterusnya, tanyakan kepada pelajar, "Apabila seorang bayi dilahirkan, apakah soalan pertama yang biasanya kita tanya?" Galakkan pelajar untuk menjawab, "Adakah ia lelaki atau perempuan?" Setelah mendengar jawapan ini, tanyakan, "Dan untuk menjawab soalan ini, di mana kita melihat — pada hidung bayi?" Jika pelajar kelihatan tidak selesa untuk menjawab (mereka mungkin ketawa kerana mengetahui jawapannya tetapi tidak yakin untuk mengatakannya), anda boleh menjelaskan, "Kita melihat pada bahagian tubuh tertentu. Ingat apabila kita belajar tentang akil baligh dan perbezaan serta persamaan antara bahagian tubuh lelaki dan perempuan? Jika kita melihat zakar, orang akan berkata 'ini lelaki!' dan jika kita melihat faraj, orang akan berkata, 'ini perempuan!'". (6 minit)

Langkah 2

Beritahu kepada kelas, "Bayangkan sejenak bahawa sekumpulan makhluk asing dari angkasa lepas telah mendarat di bumi kita dan sedang menjalankan kajian tentang manusia. Mereka berminat untuk mengetahui tentang lelaki (tulis perkataan 'Lelaki' di papan hitam dan lukis sebuah kotak di bawahnya). Bagaimana kita boleh menerangkan sifat seorang lelaki kepada seseorang yang baru tiba di bumi dan tidak pernah bertemu seorang lelaki sebelum ini?"

Minta pelajar menyebut jawapan mereka dengan ayat, "Lelaki adalah...", dan jelaskan bahawa mereka tidak perlu risau tentang jawapan mereka. Tulis semua jawapan di dalam kotak di papan hitam. Semasa menulis, ulangi frasa, "Lelaki adalah..." untuk terus menggalakkan pelajar memberi jawapan. Teruskan menulis sehingga kotak tersebut dipenuhi dengan jawapan mereka.



Ucapkan terima kasih kepada pelajar atas senarai yang mereka hasilkan. Kemudian katakan, "Makhluk asing menghargai semua maklumat yang telah anda kongsi. Mereka hanya memerlukan sedikit lagi maklumat sebelum kembali ke planet mereka. Mereka juga ingin dapat menerangkan tentang perempuan (tuliskan perkataan 'Perempuan' di papan hitam dan lukis sebuah kotak di bawahnya). Bagaimana kita boleh menerangkan sifat seorang perempuan kepada seseorang yang baru tiba di planet ini dan tidak pernah bertemu seorang perempuan sebelum ini?" Seperti sebelumnya, minta pelajar menyebut jawapan mereka dengan ayat, "Perempuan adalah...", dan jelaskan bahawa mereka tidak perlu risau tentang bagaimana bunyi jawapan mereka. Tulis semua jawapan dalam kotak untuk perempuan di papan hitam. Semasa menulis, ulangi frasa, "Perempuan adalah..." untuk terus menggalakkan pelajar memberi jawapan. Terus menulis sehingga sama ada papan hitam penuh atau terdapat dua lajur kata-kata yang panjangnya hampir sama dengan senarai "Lelaki adalah."

Ucapkan terima kasih kepada mereka atas usaha mereka, dan maklumkan bahawa makhluk asing itu berpuas hati dan gembira dengan semua maklumat berguna yang telah diberikan oleh mereka. (12 minit)

Langkah 3

Tanyakan kepada untuk melihat kedua-kedua senarai tersebut. Mulakan pertanyaan dengan "Apakah yang boleh kamu perhatikan tentang kedua-kedua senarai tersebut?"



Nota kepada Guru: Oleh kerana senarai ini dihasilkan oleh pelajar, perkara yang dikongsi adalah berbeza setiap kali anda menjalankan aktiviti ini. Dalam sesetengah kes, semua jawapan mengenai satu gender mungkin positif manakala jawapan tentang gender yang lain mungkin semuanya negatif. Dalam kes lain, ia mungkin campuran positif dan negatif.

Jawapan yang mungkin bergantung kepada apa yang ditulis di papan hitam atau lembaran kerja. Sebagai contoh, "Terdapat banyak perkara negatif tentang perempuan dan lebih banyak perkara positif tentang lelaki," atau "Perkara yang disebut tentang lelaki lebih kepada _____, manakala tentang perempuan lebih kepada _____." Apabila pelajar mengenal pasti tema-tema yang mereka perhatikan, tanyakan, "Adakah perkara dalam senarai ini merupakan stereotaip gender, iaitu, tanggapan umum yang dipercayai oleh ramai orang tentang seseorang hanya kerana mereka lelaki atau perempuan?" Perhatikan reaksi para pelajar dan mereka mungkin akan mengiyakan.

Kemudian tanyakan, "Bagaimanakah stereotaip gender yang berkaitan dengan lelaki mempengaruhi mereka? Bagaimana pula dengan perempuan? Adakah terdapat perkara dalam senarai lelaki yang juga boleh terpakai untuk perempuan?" Contohnya mungkin "bersukan." Tanyakan, "Adakah okay jika



seorang perempuan bersukan, kelakar, atau kuat?" Pelajar akan bersetuju. Seterusnya, tanyakan, "Apa yang berlaku kepada lelaki yang bertindak berbeza daripada stereotaip gender?" Bagaimana mereka dilayan?

Tanyakan juga kepada pelajar "Bagaimana stereotaip gender dikaitkan perempuan mempengaruhi mereka? Bagaimana pula dengan lelaki? Adakah terdapat perkara dalam senarai perempuan yang juga boleh terpakai untuk lelaki?" Antara contoh ialah "Bersikap sensitif." Tanyakkankan lagi, "Bolehkah jika seseorang lelaki [bersikap sensitif, manis atau dramatik]?" Jawapan mungkin berbeza, pelajar perempuan mungkin bersikap terbuka bahawa lelaki boleh meluahkan emosi mereka, manakala pelajar lelaki mungkin mengatakan sesetengah tingkah laku tidak sesuai untuk lelaki.

Seterusnya, tanyakan, "Bagaimana pula dengan lelaki yang bertindak berbeza daripada stereotaip gender untuk mereka...bagaimana mereka dilayan? Bagaimana pula dengan perempuan yang bertindak berbeza daripada stereotaip gender untuk mereka...bagaimana mereka dilayan? Bagaimana pula dengan individu berlainan berlainan gender...bagaimana mereka dilayan? Adakah terdapat orang lain yang mungkin dilayan secara berbeza kerana tidak berkelakuan mengikut stereotaip gender?" (15 minit)



Nota Kepada Guru: Jika pelajar menggunakan bahasa atau jenaka yang tidak sesuai dan menghina individu berlainan gender, hentikan situasi tersebut dan minta pelajar untuk berhenti. Jelaskan bahawa bahasa seperti itu boleh menyakitkan hati seseorang dan tangani tingkah laku yang tidak sesuai dengan pelajar berkenaan selepas kelas. Tegaskan bahawa stereotaip gender boleh membawa kesan buruk dan bahawa semua orang bebas untuk mengekspresikan diri mereka mengikut identiti sebenar mereka dan melibatkan diri dalam aktiviti yang mereka suka tanpa mengira gender atau sama ada mereka berlainan gender.

Langkah 4

Seterusnya, minta pelajar duduk secara berpasangan dan berkongsi satu stereotaip gender yang mereka rasa telah berubah dari masa ke masa. Selepas 5 minit, minta sukarelawan berkongsi stereotaip yang telah dibincangkan dan bagaimana ia telah berubah. (8 minit)

Langkah 5

Akhiri pelajaran dengan menjelaskan bahawa stereotaip gender ialah tanggapan atau gambaran umum tentang seseorang berdasarkan gender mereka, seperti sama ada mereka lelaki atau perempuan. Kadangkala stereotaip ini nampak logik, tetapi kadangkala ia menyakitkan dan boleh mendatangkan bahaya (rujuk contoh yang telah dibangkitkan oleh pelajar semasa perbincangan). Semua lelaki dan perempuan seharusnya bebas menjadi diri mereka sendiri dan tidak perlu bertindak mengikut cara tertentu hanya kerana mereka lelaki atau perempuan. Stereotaip gender juga berubah mengikut peredaran zaman. (2 minit)



Nota Kepada Guru: Soalan penting yang anda boleh anda ajukan semasa membincangkan senarai ini ialah, “Mengapa anda fikir begitu?” Dengan meminta pelajar merenung senarai yang mereka hasilkan, anda membantu mereka mencabar norma gender yang diajarkan sejak kecil. Selain itu, homofobia yang dipelajari juga mungkin timbul — pelajar lelaki khususnya mungkin mengatakan bahawa jika seorang lelaki melakukan sesuatu yang ada dalam senarai perempuan, dia adalah “gay.” Cabar idea ini dengan bertanya, “Mengapa?” dan tunjukkan bahawa mereka tidak mengatakan perkara yang sama apabila perempuan melakukan sesuatu dalam senarai lelaki.

Langkah 6

Jelaskan tugas kerja rumah: Tonton video animasi pendek mengenai peranan dan stereotaip gender dan jawab soalan dalam lembaran kerja. (2 minit)

RINGKASAN UTAMA:

- Stereotaip gender adalah tanggapan atau gambaran umum tentang seseorang berdasarkan gender, sama ada lelaki atau perempuan.
- Stereotaip gender boleh menyakitkan hati dan membahayakan. Semua lelaki dan perempuan harus bebas menjadi diri mereka sendiri tanpa terpaksa bertindak mengikut jantina mereka.
- Semua orang boleh menyumbang kepada perubahan stereotaip gender.
- Peranan gender berkembang mengikut zaman dan semakin ramai orang kini tidak terbatas oleh stereotaip gender dan bebas mengekspresikan identiti sebenar mereka.

PILIHAN PENILAIAN OBJEKTIF PEMBELAJARAN SETELAH TAMAT PELAJARAN:

Diakhir kelas, edar Kertas Lembaran Kerja Pelajar: Stereotaip Gender dan meminta pelajar untuk menjawab soalan dan menghantar jawapan sebelum meninggalkan kelas.

TIPS PENYESUAIAN UNTUK PENGHANTARAN MAYA:

Dalam kaedah penghantaran secara maya, gunakan platform digital seperti Google Classroom atau Zoom dan pertimbangkan penggunaan alat pembelajaran digital seperti Jamboard untuk menjana senarai jawapan stereotaip gender.

KERJA RUMAH (jika ada)

Lembaran kerja **Bicara Tentang Stereotaip dan Peranan Gender** direka untuk murid melengkapkan bersama orang dewasa yang dipercayai. Mereka boleh berkongsi reaksi terhadap video tersebut dan menjawab soalan berkaitan dengan stereotaip gender.

Bicara Tentang Stereotaip Gender



Nama: _____

Tarikh: _____

Tandatangan orang dewasa yang dipercayai: _____

Arahan: Tonton video dari AMAZE yang bertajuk "Stereotaip dan Peranan Gender": <https://rb.gy/5fw0y9> yang berdurasi 2 minit bersama orang dewasa yang dipercayai. Bincangkan video ini bersama-sama dengan bertanyakan soalan-soalan berikut:

- Adakah anda suka video tersebut? Mengapa atau mengapa tidak?
- Apakah yang terlintas di fikiran anda semasa menonton video itu?
- Bagaimana perasaan anda selepas menonton video tersebut?

Selepas membincangkan video tersebut, sila jawab soalan-soalan dibawah:

SOALAN 1: Apakah reaksi anda selepas menonton video tersebut?

Pelajar:

Orang Dewasa:

SOALAN 2: Untuk orang dewasa, apakah peranan gender yang sering berlaku ketika anda membesar tetapi kini telah berubah atau jarang berlaku?

Orang Dewasa:



SOALAN 3: Berikan satu contoh peranan gender yang masih wujud pada hari ini. Bagaimana anda ingin mengubahnya, dan apakah tindakan yang boleh anda ambil untuk membantu mencapai perubahan tersebut?

Pelajar:

Orang Dewasa:

Lembaran Kerja Pelajar:

Stereotaip Gender

Nama:

Tarikh:

Arahan: Sila jawab soalan di bawah dan hantar kertas jawapan sebelum meninggalkan kelas.

1. Tandakan [✓] bagi takrifan stereotaip gender yang betul

- ☐ Tanggapan atau gambaran umum tentang seseorang mengenai jenis orang atau perkara tertentu.
- ☐ Tanggapan atau gambaran umum tentang seseorang berdasarkan gender mereka.
- ☐ Tanggapan atau gambaran umum seseorang berdasarkan umur mereka.
- ☐ Tanggapan atau gambaran umum tentang seseorang berdasarkan tempat tinggal mereka.

2. Huraikan dua stereotaip gender yang sering dikaitkan dengan perempuan

- a. Perempuan sepatutnya _____
- b. Perempuan sepatutnya _____

3. Senaraikan dua stereotaip gender yang sering dikaitkan oleh lelaki

- a. Lelaki seharusnya _____
- b. Lelaki seharusnya _____

4. Huraikan satu cara stereotaip gender yang membawa kemudahan.

5. Berdasarkan ayat di bawah, bulatkan jawapan betul atau salah.

Stereotaip gender akan kekal dan tidak boleh diubah.

Betul

Salah